

PERANAN SIKAP DALAM GELAGAT KEPATUHAN ZAKAT PENDAPATAN GAJI

KAMIL MD. IDRIS
*Sekolah Perakaunan
Universiti Utara Malaysia*

AHMAD MAHDZAN AYOB
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Laporan menunjukkan aras kepatuhan zakat di kalangan pekerja Islam yang layak zakat boleh dikatakan amat rendah. Salah satu faktor yang menyumbang kepada fenomena ini ialah sikap individu terhadap zakat gaji. Literatur menunjukkan bahawa sikap individu terhadap aktiviti sosial yang berregulasi boleh mempengaruhi gelagat kepatuhannya terhadap aktiviti berkenaan. Bagaimanapun, sikap tersebut dikatakan berkeadaan kompleks. Disebabkan kompleksiti ini, maka ramai penyelidik telah menyarankan supaya sikap dikaji dengan membahagikan objek atau isu sikap berkenaan kepada elemen yang lebih kecil atau lebih mudah. Pembahagian boleh dibuat dengan berasaskan kepada bahagian komponen, fungsi terkhusus, atau konteks tertentu. Justeru itu, kajian ini cuba merungkai komponen sikap terhadap zakat gaji dan implikasinya kepada gelagat kepatuhan. Maklumat daripada literatur menegaskan bahawa kajian ke atas sikap dan memahami impaknya kepada gelagat boleh membantahi pihak berwajib menggariskan strategi untuk meningkatkan aras kepatuhan. Justeru itu, kertas ini membentangkan beberapa komponen sikap terhadap zakat gaji dan impaknya kepada gelagat kepatuhan. Komponen sikap ditentukan dengan menggunakan teknik analisis faktor ke atas 24 item sikap. Setiap komponen diberikan nama dan dijadikan sebagai satu pemboleh ubah bebas yang baru. Pemboleh ubah baru ini kemudian diuji untuk melihat hubungannya dengan gelagat kepatuhan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa sikap terhadap zakat gaji boleh dibahagikan kepada lima kategori, iaitu Sikap Secara Am, Sikap Positif, Sikap Was-Was, Sikap Bersyarat, dan Sikap Terhadap Perkara Teknikal. Kelima-lima komponen ini diuji dalam model regresi logistik untuk melihat hubungannya dengan gelagat kepatuhan yang diukur secara dikotomis. Hasil ujian menunjukkan bahawa komponen kedua, ketiga, dan keempat berkait secara positif dan signifikan

dengan gelagat kepatuhan. Ini menandakan bahawa sikap terhadap zakat gaji adalah kompleks dan perkaitannya dengan gelagat kepatuhan tidak boleh dilihat dari satu sudut.

ABSTRACT

Reports show that compliance level of zakah among qualified Muslim employees is relatively low. One of the factors that has contributed to this phenomenon is the attitude of individuals. Literature has indicated that individual attitude towards regulated social activities influences his compliance behaviour in such activities. However, attitude towards regulated social activities is considered complex in nature. Due to this complexity, many researchers have suggested that attitude should be studied by dividing an object or issue into smaller and less complex elements on the basis of component parts, specific functions, or particular contexts. Thus, this study attempts to discover some components of attitude towards zakah on employment income and their implications to the compliance behaviour. Synthesis of literature suggests that studies on attitude and understanding its impact on behaviour may help one to formulate management strategies to increase the compliance level. This paper presents several components of attitude towards zakah on employment income and their impact on the compliance behaviour. The components of attitude were determined by using Factor Analysis on the 24 attitude items. Each factor was then named and treated as a new variable, which was then tested to see if any relationship exists with the compliance behaviour. The findings of this study indicate that attitude towards zakah on employment income can be divided into five categories, namely, General Attitude, Positive Attitude, Uncertain Attitude, Conditional Attitude, and Technical Attitude. These five categories of attitude were tested by using logistic regression analysis to see their relationship with the compliance behaviour, which is simply the dichotomously measured variable, of zakah payment on income. The test results show that the second, third, and fourth categories of attitude were positively and significantly related to the compliance behaviour.

PENGENALAN

Isu mengenai zakat pendapatan gaji telah lama dibincang dan dibahas di kalangan ulama dan pihak berkuasa hal ehwal Islam Malaysia. Hasil daripada perbincangan tersebut, majoriti negeri di Malaysia telah mengeluarkan fatwa bahawa zakat pendapatan gaji adalah wajib

(Kamil, 2002). Negeri Kedah umpamanya, telah mengeluarkan fatwa tersebut pada 19hb. April 1986 melalui Warta Kerajaan No. 146 dengan menggunakan seksyen 38(2) Undang-undang Pentadbiran Islam Kedah 1962 (Mujaini Tarimin, 1995). Negeri Perlis pula telah mengeluarkan suatu fatwa pada 20hb. Oktober 1991 tentang wajib zakat gaji dan kaedah taksirannya melalui Jawatankuasa Syariahnya (Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis, 1996).

Walaupun keputusan wajib zakat ke atas pendapatan gaji telah lama dikeluarkan, namun kutipan zakat daripada pendapatan gaji adalah tidak memberangsangkan. Kebanyakan institusi zakat atau Baitulmal melaporkan kadar kutipan yang rendah (Mohamed Dahan, 1998), walaupun pelbagai usaha dan promosi telah dijalankan untuk menggalakkan orang ramai khususnya para pekerja supaya mematuhi fatwa tersebut. Kajian secara deskriptif di negeri Perlis oleh Kamil, Chek, dan Engku Ismail (1997), menunjukkan bahawa 73% daripada pekerja Islam (yang layak zakat) tahu tentang fatwa berkenaan tetapi hanya 35% daripada mereka menunaikan tanggungjawab. Siasatan lanjut menunjukkan bahawa di negeri Kedah, sehingga 31 Disember 1998, seramai 5,673 pekerja Islam membayar zakat gaji berbanding 11,400 pekerja Islam di sektor kerajaan persekutuan negeri Kedah yang membayar cukai pendapatan melalui Potongan Cukai Berjadual (PCB)¹. Kedudukan ini menggambarkan lebih daripada 50% pekerja Islam negeri Kedah tidak mematuhi fatwa yang dikeluarkan.

Fenomena kepatuhan yang tersebut di atas boleh diterangkan oleh beberapa faktor yang dipercayai mempunyai kaitan dengan gelagat kepatuhan zakat gaji. Faktor-faktor berkenaan boleh diklasifikasikan kepada faktor ekonomi, psikologi, sosiologi, pemasaran dan kualiti. Namun sebarang usaha untuk meningkatkan aras kepatuhan adalah bermula dengan memperbaiki sikap orang ramai (Silver, 1995). Apatah lagi dalam sistem zakat yang banyak bergantung kepada integriti orang ramai kerana taksiran zakat dibuat secara sendiri dan bebas daripada sebarang penyemakan semula. Jika ramai pekerja Islam yang mempunyai sikap yang negatif terhadap zakat gaji maka kadar kepatuhan zakat gaji akan bertambah merosot.

Kajian mengenai peranan sikap terhadap gelagat kepatuhan masih banyak perlu diterokai. Kebanyakan literatur zakat kurang menonjolkan keterangan empirik tentang sikap terhadap zakat gaji dan pengaruhnya kepada gelagat kepatuhan. Justeru itu, makalah ini cuba mencari

sebahagian keterangan empirik tersebut bagi menjelaskan kedudukan teori gelagat kepatuhan zakat gaji.

Kajian Terdahulu

Peranan sikap dalam gelagat kepatuhan telah banyak dikaji dalam beberapa bidang. Dalam bidang cukai umpamanya, Silver (1995) menegaskan bahawa memperbaiki sikap orang ramai terhadap cukai merupakan perkara pokok yang perlu diutamakan. Ini adalah kerana sikap seseorang terhadap sesuatu objek sikap boleh mempengaruhinya dalam membuat keputusan (Mueller, 1986). Oleh yang demikian, ramai penyelidik memasukkan sikap sebagai salah satu pemboleh ubah utama dalam model kepatuhan masing-masing (Jackson & Milliron, 1986; Fischer, Wartick, & Mark, 1992; Hajah Mustafa, 1996; Mahamad Tayib, 1998). Dalam kajian mereka, sikap didapati secara signifikan berkait dengan gelagat kepatuhan. Bagaimanapun, belum ada percubaan untuk mengkaji komponen sikap terhadap cukai dan dikaitkan dengan gelagat kepatuhan.

Menurut Lewis (1979), terdapat satu kajian mengenai komponen sikap yang telah dijalankan oleh Spicer dan Lundstedt (1976). Dengan menggunakan teknik analisis faktor mereka dapat merungkaikan sikap kepada lima komponen. Bagaimanapun, kajian mereka tertumpu kepada sikap terhadap perbuatan lari cukai (*tax evasion*) dan bukan sikap terhadap cukai. Bobek (1997) juga pernah menjalankan suatu kajian yang menyentuh persoalan sikap. Dalam kajian beliau sikap terhadap cukai dijadikan sebagai fungsi kepada kesaksamaan sistem cukai. Beliau telah memperkenalkan dua fungsi sikap, iaitu fungsi nilai bermakna (*value-expressive function*) dan fungsi bermanfaat (*utilitarian function*). Bagaimanapun, kajian beliau tidak menemui perkaitan yang signifikan antara sikap dan kesaksamaan sistem cukai. Lain-lain kajian pula mengukur sikap dengan menggunakan satu nilai tunggal dan diuji kepada model gelagat kepatuhan.

Ukuran sikap dengan menggunakan skor tunggal menimbulkan dilema, sama ada sikap terdiri daripada satu dimensi atau multidimensi (Mueller, 1986). Selain itu, penggunaan skor tunggal bagi sikap, tidak memberi maklumat yang mencukupi mengenai sikap seseorang (Sherif & Hovland, 1961). Ini dapat disaksikan dalam objek sikap yang kompleks seperti sikap terhadap seseorang (Oskamp, 1991). Begitu juga halnya bagi sikap terhadap cukai dan sikap terhadap zakat gaji. Kedua-duanya

merupakan objek sikap yang kompleks kerana ianya melibatkan pelbagai unsur yang subjektif. Sikap yang kompleks perlu dikaji secara terperinci supaya dapat memberi penjelasan dan maklumat yang lebih baik (Sherif & Hovland, 1961).

Komponen sikap juga dikaji dalam pelbagai bidang lain. Sebagai contoh, Dyer & Osborne (1996) pernah mengkaji sikap terhadap program pertanian. Dengan menggunakan analisis faktor, mereka mendapati bahawa sikap terhadap program pertanian adalah terdiri daripada tiga komponen. Begitu juga Lawver & Frazee (1996), yang juga telah menggunakan kaedah analisis faktor untuk merungkai sikap terhadap keselamatan makmal mekanikal pertanian. Lapan komponen telah berjaya dirungkaikan, tetapi hanya lima sahaja yang boleh diterimapakai. Oleh yang demikian, kajian-kajian terdahulu telah menyediakan asas bagi penyelidik yang lain supaya mengkaji sikap yang kompleks dengan terlebih dahulu merungkaikannya kepada komponen yang lebih kecil. Pendekatan inilah yang akan digunakan dalam kajian ini.

TEORI SIKAP

Definisi Sikap

Menurut Mueller (1986), sikap adalah elemen penting dalam diri seseorang kerana ia mempengaruhi individu berkenaan dalam membuat keputusan. Dalam teori gelagat terancang (*planned behaviour theory*), sikap merupakan salah satu faktor utama dalam meramal gelagat seseorang (Elliot, Timothy, & Robin, 1999). Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa sikap boleh didefinisikan dalam pelbagai cara dan pendekatan. Menurut Alport (seperti dalam nukilan Oskamp, 1991):

Sikap adalah suatu keadaan bersedia secara mental atau fizikal (yang dibentuk melalui pengalaman) yang membentuk sesuatu pengaruh secara langsung atau dinamik ke atas tindakan seseorang terhadap semua objek atau situasi yang berkaitan dengannya.²

Selain daripada definisi di atas terdapat juga lain-lain definisi mengenai sikap. Walau apa pun definisi yang diberi, menurut Alport, ciri yang menjadi tumpuan dalam definisi berkenaan ialah idea mengenai

bersedia untuk bertindak balas. Ini bermaksud bahawa sikap bukanlah gelagat atau sesuatu yang dilakukan oleh seseorang, tetapi ianya lebih kepada persediaan bagi sesuatu gelagat atau suatu kedudukan untuk bertindak dengan cara tertentu terhadap objek sikap. Objek sikap boleh membawa pelbagai maksud dan ini termasuk benda, orang, tempat, idea, aksi, atau situasi sama ada tunggal atau banyak (Oskamp, 1991). Satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa memotivasi atau mendesak yang terdapat pada sikap. Kuasa mendesak ini, menurut Alport, mempengaruhi seseorang untuk berkelakuan dalam keadaan tertentu.

Literatur psikologi telah mengenalpasti dua pandangan teoretikal utama mengenai unsur-unsur yang terdapat dalam sikap, iaitu pandangan komponen tiga serangkai (*tri-componential viewpoint*) dan pandangan entiti berasingan (*separate entities viewpoint*) (Oskamp, 1991). Pandangan pertama menekankan bahawa sikap merupakan satu entiti yang terdiri daripada tiga komponen, iaitu kognitif, afektif, dan bakal tindakan. Sebaliknya, pandangan kedua berpegang bahawa setiap komponen tersebut adalah suatu entiti yang tersendiri dan berasingan serta mungkin berkait atau tidak berkait antara satu sama lain. Kedua-dua pandangan ini sememangnya diketahui oleh ramai penyelidik, namun sesetengahnya membuat kajian dengan menggunakan pendekatan yang lain. Umpamanya Sherif & Hovland (1961), memperkenalkan pula pandangan yang dikenali sebagai pendekatan budibicara sosial (*social judgement approach*). Sumbangan utama mereka dalam teoretikal dan ukuran sikap ialah latitud sikap (*Attitude Latitude*). Latitud sikap menyarankan bahawa sikap adalah suatu selang kedudukan sikap di mana seseorang boleh menerima atau menolak sesuatu isu. Latitud penerimaan (*latitude of acceptance*) adalah suatu set kedudukan sikap (terhadap sesuatu isu atau seseorang atau benda) yang menunjukkan seseorang itu menerima dengan baik isu (seseorang atau benda) berkenaan. Sebaliknya, latitud tolakan (*latitude of rejection*) pula adalah suatu set kedudukan sikap (terhadap sesuatu isu atau seseorang atau benda) yang menunjukkan seseorang itu menolak atau membantah isu (seseorang atau benda) berkenaan. Latitud tanpa komitmen (*latitude of noncommitment*) pula adalah suatu set sikap tanpa arah, di mana seseorang dapati ia tidak boleh diterima dan tidak boleh ditolak (*neutral*). Konsep ini menekankan bahawa komponen kognitif dan afektif dalam sikap adalah bertaut rapat ketika proses membuat pertimbangan tentang sesuatu objek sikap.

Kompleksiti Sikap

Sikap terhadap sesuatu objek boleh dikaji dengan menganalisis ciri-cirinya yang kompleks (Oskamp, 1991). Walaupun terdapat tiga komponen dalam sikap, setiap komponen boleh dijulatkan daripada ciri-ciri mudah sehingga ciri-ciri kompleks atau gabungan antara keduanya. Lantaran itu, skor sikap bagi dua orang mungkin sama tetapi ianya mungkin tidak mencerminkan sikap sebenar seseorang terhadap sesuatu objek (Mueller, 1986). Sebagai contoh, dua orang mempunyai skor yang sederhana bagi sikap terhadap masjid selepas menjawab beberapa gabungan soalan yang menyentuh tentang kepercayaan. Bagaimanapun, salah seorang tertarik kepada masjid atas asas rohaniah (hubungan dengan Allah, Syurga, pahala, dan sebagainya), manakala seorang lagi tertarik kerana menganggap ianya sebagai suatu cara untuk memenuhi kehendak sosial. Atas alasan inilah banyak penyelidik menyarankan supaya kajian ke atas sikap dibuat dengan membahagikan objek atau isu yang kompleks kepada bentuk yang lebih mudah dan kurang mengandungi elemen yang kompleks (Mueller, 1986).

Objek sikap yang mudah seperti tempat letak kereta, pen, dan buah oren tidak menunjukkan tanda bahawa ianya mempunyai sifat multidimensi (Mueller, 1986). Kesemuanya boleh dikatakan mudah dan objek berfungsi tunggal. Selagi ianya dapat memenuhi fungsi tunggalnya, ianya disukai, jika tidak ianya tidak akan disukai. Sebaliknya, objek yang lebih kompleks melibatkan banyak pendapat daripada pelbagai pihak, lantas menyebabkan sikap yang lebih kompleks. Sebagai contoh, seseorang mungkin suka pada sesebuah kereta berdasarkan kuasa, kemewahan, pemanduan, dan statusnya, tetapi tidak suka atas aspek lain seperti tidak ekonomi, saiz yang besar, dan negara yang membuatnya. Begitu juga isu mengenai zakat pengajian, ada perkara yang disukai dan ada juga yang tidak disukai. Justeru itu, ianya dianggap sebagai objek sikap yang kompleks dan perlu dikaji dengan lebih mendalam untuk mengetahui komponennya serta perkaitan setiap komponennya dengan gelagat kepatuhan. Dengan cara ini, pihak berkuasa dapat memahami kedudukan sikap serta mengorak strategi yang sesuai untuk meningkatkan aras kepatuhan (Silver, 1995).

Soalan dan Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mendapat kefahaman tentang sikap terhadap zakat gaji dan peranannya terhadap gelagat kepatuhan zakat. Sehubungan itu, soalan-soalan berikut adalah berkaitan:

- (a) Adakah sikap terhadap zakat gaji terdiri daripada beberapa komponen?
- (b) Bagaimanakah komponen sikap berkait dengan gelagat kepatuhan zakat gaji?

Seiring dengan persoalan di atas, dua objektif khusus perlu dicapai, iaitu:

- (a) Mengenalpasti komponen-komponen sikap terhadap zakat gaji.
- (b) Mengenalpasti perkaitan setiap komponen sikap dengan gelagat kepatuhan zakat gaji.

METODOLOGI

Kutipan Data dan Persampelan

Unit analisis bagi kajian ini ialah individu kakitangan awam persekutuan yang berkhidmat di negeri Kedah dan tertakluk kepada potongan cukai berjadual (PCB). Mereka adalah pekerja yang terawal mendapat maklumat melalui pekeliling kerajaan, khususnya bagi perkara yang diwartakan seperti fatwa zakat ke atas pendapatan gaji. Oleh kerana fatwa zakat gaji telah dikeluarkan di negeri Kedah, maka mereka yang memperoleh pendapatan gaji melebihi RM3,500 setahun adalah tertakluk kepada fatwa tersebut. Ini secara tidak langsung, meliputi pekerja yang membayar cukai pendapatan, kerana pada amnya aras minima bagi bayaran cukai pendapatan ialah RM15,000.

Terdapat lebih kurang 11,400 pekerja Islam dalam senarai kakitangan awam persekutuan di negeri Kedah yang tertakluk kepada PCB pada 30 hb. Jun 2000. Satu sampel seramai 700 nama pekerja berserta alamat pejabat dipilih bagi tujuan penyelidikan. Menurut Krejcie & Morgan (seperti dalam nukilan Sekaran, 2000) saiz sampel yang diperlukan

ialah 370. Bagaimanapun, selepas mengambil kira jangkaan soal selidik yang tidak akan dikembalikan, maka saiz sampel dibesarkan kepada 700. Persampelan dibuat dengan menggunakan teknik persampelan sistematik. Memandangkan senarai nama yang diperoleh disusun secara rawak, maka persampelan sistematik dikira sebagai munasabah. Justeru itu, nama pertama yang dipilih ialah nama yang berada di nombor 16 ($11,400/700=16$) kemudian nombor 32, 48, dan seterusnya.

Soal selidik bersama sampul surat kosong beralamat penyelidik serta berselem di diposkan kepada semua responden yang terpilih. Kaedah tinjauan ini dianggap sesuai kerana ianya boleh memuatkan banyak pemboleh ubah sosio-ekonomi, demografi dan sikap. (Andreoni, Errard & Feinstein., 1998). Selepas sebulan sebanyak 383 responden mengembalikan soal selidik termasuk soal selidik yang tidak dijawab, iaitu 26 responden. Sebanyak 353 soal selidik yang boleh digunakan untuk tujuan analisis. Bilangan ini menandakan kadar pulangan sebanyak 50% dan hampir kepada bilangan yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (seperti dalam nukilan Sekaran, 2000). Bagaimanapun, saiz sampel tersebut melebihi bilangan yang dicadangkan oleh Coakes dan Steed (1999) dan Roscoe (seperti dalam nukilan Sekaran, 2000). Menurut Coakes dan Steed (1999), bilangan sampel yang mencukupi untuk tujuan analisis faktor dan regresi ialah 20 kali ganda daripada bilangan pemboleh ubah bebas yang diuji. Sementara petunjuk wajar (*rule of thumb*) Roscoe pula mencadangkan sepuluh kali ganda daripada bilangan pemboleh ubah bebas yang diuji (seperti dalam nukilan Sekaran, 2000).

Instrumen Tinjauan

Setiap soal selidik mengandungi instrumen sikap yang terdiri daripada 24 item yang dibentuk dengan menggunakan prosedur Likert. Di peringkat awal item-item tersebut diperoleh daripada beberapa kumpulan pekerja Muslim yang bertaburan. Kenyataan positif dan negatif yang diberi oleh pekerja terbabit dicatat dan dikumpulkan. Kenyataan-kenyataan tersebut dikutip melalui e-mel (Muslim eGroup - yang selalu membincangkan hal-hal keagamaan). Dalam tempoh seminggu sejumlah 159 kenyataan berjaya dikumpulkan. Kenyataan-kenyataan tersebut diproses dan diatur semula bagi mengelak sebarang pertindihan. Selepas diproses, sebanyak 29 item tentang sikap dapat disenaraikan. Item-item tersebut terdiri daripada 15 kenyataan positif dan 14 kenyataan negatif. Sebagai contoh, bagi kenyataan positif "Zakat

ke atas pendapatan gaji patut diwajibkan kepada mereka yang layak" dan bagi kenyataan negatif pula "Zakat ke atas pendapatan gaji adalah membebankan kepada pekerja Islam." Setiap kenyataan diberikan nilai Likert 5-mata, iaitu 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju) bagi tujuan pengukuran. Bagaimanapun, skor bagi kenyataan negatif adalah berlawanan dengan skor kenyataan positif.

Satu tinjauan rintis (*pilot study*) ke atas 63 responden dikendalikan bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen yang digunakan. Selepas ujian di peringkat tinjauan rintis, lima item terpaksa digugurkan kerana tidak melepasi ujian kebolehpercayaan dan kesahihan. Bilangan item yang tinggal ialah 24 dan terdiri daripada 15 kenyataan positif dan 9 kenyataan negatif. Kesemua 24 item ini merupakan konstruk bagi sikap terhadap zakat pendapatan gaji.

Selain daripada konstruk sikap, responden juga dikehendaki menjawab soalan mengenai pembayaran zakat gaji. Soalan tentang bayaran ini merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini dan diukur secara binari dengan menggunakan kod "1" bagi yang membayar dan "0" bagi yang tidak membayar. Pembayaran zakat gaji, bagi tujuan kajian ini, didefinisikan sebagai bayaran zakat pendapatan gaji secara rasmi kepada mana-mana pejabat zakat negeri Kedah sama ada secara tunai atau melalui potongan gaji.

Analisis

Analisis kebolehpercayaan terhadap sesuatu instrumen pengukur menentukan sama ada instrumen berkenaan mengukur secara konsisten dengan konsep yang diukur (Nunnally, 1978). Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk menilai kebolehpercayaan. Bagaimanapun, kajian ini menggunakan kaedah konsistensi dalaman (*internal consistency*), iaitu kaedah yang menekankan kepada darjah korelasi perantaraan di kalangan item-item yang mengukur konsep yang sama (Sekaran, 2000). Ukuran yang selalu disyorkan bagi menilai kebolehpercayaan ialah koefisien alpha (Nunnally, 1978; Churchill, 1979). *Cronbach Alpha* boleh dikatakan antara petunjuk yang cukup baik bagi konsistensi dalaman. Nilai alpha 0.7 atau lebih dikira sebagai memadai (Nunnally, 1978).

Bagi tujuan merungkai komponen sikap, analisis komponen prinsipal (*principal component analysis -PCA*) dengan putaran varimax

diaplikasikan kepada data sikap. PCA dikira sesuai kerana analisis ini memberi penekanan kepada penapisan data secara unik dan bukan secara serumpun (*common*) daripada data asal (Tacq, 1997). Dengan demikian komponen yang unik kepada sesuatu sifat akan dikumpulkan. Nilai *eigenvalues* yang melebihi 1.0 bagi setiap faktor atau komponen, dianggap sebagai signifikan (Hair, Anderson, Tatham, & Black, 1995). Kaedah ini adalah berkesan dan telah digunakan secara meluas sebagai suatu cara untuk meneroka kedudukan saling bersandar antara pemboleh ubah (Kim & Mueller, 1978; Johnson & Wichern, 1992). Tambahan pula, ianya membawa suatu penyelesaian yang lebih berhemat (*parsimonious*) (Bennett & Bowers, 1976).

Sebelum analisis faktor dapat diteruskan, setiap konstruk akan melalui ujian kesesuaian dan ujian identiti matriks. Bagi tujuan ujian-ujian tersebut, matriks data (*data matrix*) akan disemak bagi memastikan data mempunyai perkaitan yang mencukupi untuk menjustifikasikan penggunaan analisis faktor. Salah satu ukuran untuk menilai darjah perkaitan antara item dan kesesuaian penggunaan analisis faktor, ialah ukuran *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO), yang merupakan ukuran kecukupan pensampelan (*measure of sampling adequacy*). Nilai KMO yang kecil bermakna setiap item tidak boleh diterangkan atau diramalkan oleh item yang lain tanpa terlibat ralat yang signifikan, maka analisis faktor mungkin tidak sesuai. Sebagai panduan, nilai KMO dalam lingkungan 0.90 dikira sebagai sangat baik; 0.80 membanggakan; 0.70 lebih dari biasa; 0.60 biasa; 0.50 mendukakan; dan bawah 0.50 tidak boleh diterima (Hair et al., 1995). Di samping itu, ujian kesferaan Bartlett (*Bartlett's test of sphericity*) juga akan digunakan bagi menguji bahawa matriks korelasi adalah bukan matriks beridentiti.

Selepas ujian di atas telah dilepasi, setiap item dalam komponen matrik terputar (*rotated component matrix*) diteliti. Setiap komponen dipastikan mempunyai nilai *Eigenvalues* 1 atau lebih kerana ianya dikira sebagai signifikan (Hair et al., 1995). Komponen yang signifikan akan diteliti tentang beban faktor (*factor loading*) setiap item yang terkandung dalamnya. Beban faktor yang melebihi 0.3 dikira sebagai signifikan. Oleh itu, sebarang item yang mempunyai beban faktor yang kurang daripada 0.3 akan dikeluarkan daripada analisis. Kemudian, setiap komponen yang signifikan dianggap sebagai satu pemboleh ubah terasing dan tersendiri dengan membawa skor faktor (*factor score*) masing-masing. Skor faktor adalah nilai faktor yang diramalkan selepas melalui analisis faktor.

Analisis regresi logistik multivariat akan menyusul selepas analisis faktor selesai dilaksanakan. Pemboleh ubah bebas yang baru, iaitu komponen yang diperolehi daripada analisis faktor, dimasukkan dalam model regresi logistik sebagai fungsi kepada pembayaran zakat gaji (pemboleh ubah bersandar). Bagi mengelakkan ralat statistik bertindih serta keputusan analisis yang lebih baik, maka skor faktor setiap komponen diaplikasikan dalam model regresi berkenaan. Model regresi tersebut boleh dilihat dalam persamaan berikut:

$$\text{logit}(p) = \alpha + \beta_1 C_1 + \beta_2 C_2 + \dots + \beta_x C_n$$

di mana,

$$\text{logit}(p) = \log\left(\frac{p}{1-p}\right)$$

p = pembayaran (Bayar = 1; Tidak bayar = 0)

$C_1 \dots C_n$ = komponen sikap (n bergantung kepada keputusan analisis faktor)

Bagi tujuan ujian signifikan terhadap model di atas, prosedur Hosmer and Lemeshow (seperti dalam nukilan Menard, 1995) digunakan. Prosedur ini menentukan sama ada pemboleh ubah bebas yang diuji boleh memberi ramalan terhadap pemboleh ubah bersandar yang dikotomus (Menard, 1995). Koefisien yang diperolehi daripada analisis regresi diterjemah sebagai kewujudan hubungan antara pemboleh ubah dan bukan bertujuan untuk membuat ramalan.

KEPUTUSAN

Ujian kebolehpercayaan menunjukkan nilai *Cronbach alpha* terhadap 24 item sikap yang diuji ialah 0.88. Ini melebihi daripada panduan minima kebolehpercayaan yang disarankan oleh Nunnally (1978), iaitu nilai alpha yang melebihi 0.7 adalah mencukupi. Pemeriksaan matrik data dengan nilai KMO 0.9 dan ujian kesferaan Bartlett (Sig=0.000) menandakan bahawa penggunaan analisis faktor adalah sesuai dan berada di tahap yang sangat baik (Hair et al., 1995). Justeru itu, instrumen yang digunakan bagi mengukur data sikap mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahihan yang cukup baik.

Responden adalah terdiri daripada 43% lelaki dan 57% wanita dengan purata umur 42 tahun. Bilangan responden yang membayar zakat gaji ialah 123 (35%). Selebihnya dianggap tidak membayar zakat gaji.

Jadual 1 menunjukkan keputusan analisis komponen prinsipal selepas putaran *varimax*. Terdapat lima komponen yang mempunyai nilai *Eigenvalue* 1 atau lebih. Komponen pertama mempunyai nilai tertinggi iaitu 8.0. Peratusan daripada jumlah varian yang mewakili kelima-lima komponen tersebut ialah 59% dan dikira memuaskan (Hair et al., 1995). Peratusan varian yang tertinggi datang daripada komponen 1, iaitu 33.3%. Peratusan varian bagi komponen 2 sehingga 5 masing-masing mencatatkan 11.1%, 5.5%, 4.5%, dan 4.4%. Setiap komponen diberikan nama bagi menggambarkan dimensi yang berkaitan dengan sikap terhadap zakat gaji. Tugas untuk memberikan nama pada setiap komponen adalah agak sukar, namun nama-nama yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada item-item yang terkandung dalam setiap komponen berkenaan. Nama-nama yang dicadangkan ialah Sikap Secara Am (komponen 1), Sikap Positif (komponen 2), Sikap Waswas (komponen 3), Sikap Bersyarat (komponen 4), dan Sikap Terhadap Perkara Teknikal (komponen 5).

Di bawah komponen Sikap Secara Am (6 item) beban faktor selepas diputar (*rotated factor loadings*) adalah dari 0.42 sehingga 0.83. Sikap Positif (7 item) pula berkisar dari 0.47 hingga 0.7 dan Sikap Waswas (6 item) berkisar dari 0.47 hingga 0.7. Sikap Bersyarat (3 item) dan Sikap Terhadap Perkara Teknikal (2 item) pula masing-masing mempunyai beban faktor dari 0.52 hingga 0.74 dan 0.72 hingga 0.82.

Jadual 2 pula menunjukkan keputusan analisis regresi logistik multivariat. Catatan *Hosmer and Lemeshow Chi-Square* ialah 22.75 dengan 8 darjah kebebasan ($\text{sig}=0.44$). Ini menandakan bahawa secara keseluruhan model yang diuji mempunyai kebagusan padanan dengan data. Bagaimanapun, hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar tidak begitu kukuh apabila bacaan *Cox and Snell R²* = 0.2 dan *Nagelkerke R²* = 0.27. Kedudukan hubungan yang kurang kukuh ini adalah sementara. Ianya akan berubah apabila lain-lain faktor dimuatkan sepenuhnya dalam model tersebut. Sungguhpun begitu, Jadual klasifikasi menunjukkan bahawa model gelagat kepatuhan yang diuji dijangka dapat membuat ramalan pada kadar ketepatan 72%. Model tersebut boleh diterangkan seperti berikut:

Jadual 1
Matriks Komponen Diputarkan Bagi Pemboleh Ubah Sikap (n=353)

	No Item	Komponen				
		1	2	3	4	5
Sikap secara am (6 item)						
Mesti bayar	1	.832				
Gembira bayar	2	.811				
Zakat wajib	3	.802				
Membersihkan pendapatan	6	.745				
Patut telah lama dikuatkuasakan	18	.524				
Bila semua ulama setuju	10	.416				
Sikap positif (7 item)						
Masukkan dalam sukatan pelajaran	20		.691			
Hutang pada tuhan	22		.660			
Sesuai dilaksanakan	12		.606			
Kiraan adalah mudah	24		.595			
Meninggalkan salah satu rukun Islam	19		.591			
Beritahu orang supaya bayar	11		.546			
Tetap membayar walaupun kurang jelas	7		.458			
Sikap waswas (6 item)						
Tunggu sistem yang baik	23			.696		
Tanya ustaz dulu	17			.618		
Susah laksana	13			.612		
Mengelirukan – ada negeri tak wajib	15			.589		
Kaji semula	14			.552		
Baik bayar zakat wang simpan	21			.467		
Sikap bersyarat (3 item)						
Kenakan tindakan	8				.744	
Redha potong gaji	9				.726	
Seragam hukum semua negeri	16				.524	
Sikap terhadap perkara teknikal (2 item)						
Kiraan zakat macam cukai	4					.825
Taksiran keliru	5					.722

Kaedah Cabutan: Analisis Komponen Utama. Kaedah pusingan: Varimax dengan *Kaiser Normalization*. Pusingan dijuruskan dalam 8 ulangan.

Jadual 2
Analisis Regresi Logistik Bagi Gelagat Kepatuhan Zakat Gaji
(n = 352)

Classification Table^a

Diperhatikan		Diramalkan		
		bayar zakat		Peratusan Betul
		tidak bayar	bayar	
Step 1 bayar zakat	tidak bayar	196	34	85.2
	bayar	64	59	48.0
Peratusan Keseluruhan				72.2

a. Nilai potongang : 500

	B	SE	Wald	df	Sig.	Exp (B)
Langkah Komponen 1	.358	.189	3.587	1	0.058***	1.430
1 ^a						
Komponen 2	.526	.148	12.677	1	0.000*	1.692
Komponen 3	.612	.133	21.132	1	0.000*	1.844
Komponen 4	.814	.146	31.040	1	0.000*	2.257
Komponen 5	-.049	.125	.155	1	.693	.952
Konstan	-.820	.136	36.289	1	.000	.441

a. Angkubah yang dimasukkan melalui langkah 1: Komponen 1, 2, 3, 4, 5

Hosmer and Lemeshow Test: Chi-Square = 22.75; d.f = 8; Sig. = 0.44

Cox & Snell R Square = 0.2; Nagelkerke R Square = 0.27

*p<0.01, **P<0.05, ***p<0.1

$$\log\left(\frac{p}{1-p}\right) = \text{logit}(p) = -0.82 + 0.36 C_1 + 0.53 C_2 + 0.61 C_3 + 0.81 C_4 - 0.05 C_5$$

di mana,

- p = pembayaran (Bayar = 1; Tidak bayar = 0)
- C_1 = Sikap secara am
- C_2 = Sikap positif
- C_3 = Sikap waswas
- C_4 = Sikap bersyarat
- C_5 = Sikap terhadap perkara teknikal

Jadual 2 selanjutnya menunjukkan pemboleh ubah bebas yang signifikan dalam persamaan dan berkait dengan pembayaran zakat gaji secara positif. Pemboleh ubah berkenaan termasuk Sikap Positif, Sikap Waswas, dan Sikap Bersyarat. Menurut Jadual tersebut, satu unit pertambahan pada Sikap Positif berkait dengan pertambahan 0.53 nisbah log bayaran zakat, lain-lain pemboleh ubah kekal. Dalam tafsiran lain peningkatan satu unit pada Sikap Positif berkait dengan peningkatan nisbah log kepatuhan sebanyak 69% [$\text{Exp}(B)=1.69$]. Begitu juga dengan Sikap Waswas, satu unit pertambahan berkait dengan pertambahan 84% nisbah log bayaran zakat. Bagi Sikap Bersyarat pula, satu unit pertambahan berkait dengan pertambahan 0.81 nisbah log bayaran zakat. Dua lagi komponen, iaitu Sikap Secara Am dan Sikap Terhadap Perkara Teknikal didapati tidak signifikan.

PERBINCANGAN

Keputusan kajian ini mengesahkan teori latitud sikap yang diperkenalkan oleh Sherif dan Hovland (1961). Menurut mereka, latitud sikap merupakan satu julat kedudukan sikap yang terdiri daripada komponen kognitif dan afektif yang bertaut kuat ketika proses membuat keputusan. Keadaan yang serupa ini disaksikan berlaku pada pemboleh ubah sikap dalam kajian ini. Keputusan menunjukkan sikap terhadap zakat gaji merupakan suatu julat kedudukan sikap yang terdapat di kalangan pekerja Islam. Julat tersebut adalah daripada kedudukan positif (Sikap Positif) hingga ke kedudukan negatif (Sikap Terhadap Perkara Teknikal). Setiap individu membuat penilaian yang berbeza-beza berdasarkan kepada kefahaman dan kepercayaan masing-masing.

Justeru itu, sikap terhadap zakat pendapatan gaji boleh dikategorikan kepada pelbagai bentuk. Bentuk-bentuk sikap inilah yang memainkan peranan untuk mempengaruhi individu tersebut untuk membuat keputusan mengenai kepatuhan zakat pendapatan gaji.

Umumnya, berdasarkan pada Sikap Secara Am, pekerja Islam bersetuju dengan fatwa terhadap zakat pendapatan gaji. Ini adalah kerana ianya membawa kebaikan kepada masyarakat Islam jika semua pihak dapat memahami dan melaksanakan peranan masing-masing dengan baik. Di samping itu, seseorang itu tidak akan rasa rugi kerana pembayaran zakat gaji boleh mengurangkan bayaran cukai pendapatan secara langsung. Namun demikian, persetujuan ini bukan suatu perkara yang mudah direalisasikan. Ini adalah kerana isu zakat penggajian melibatkan sikap yang kompleks di kalangan anggota masyarakat pekerja yang terbabit. Lazimnya kompleksiti dalam isu agama selalu berlaku apabila terdapat pelbagai tafsiran yang berbeza di kalangan ahli agama atau ulama. Ianya lebih ketara lagi jika isu berkenaan tidak wujud di zaman Rasulullah s.a.w., seperti yang berlaku pada isu zakat pendapatan gaji. Ada pihak berpendapat bahawa hukum zakat pendapatan gaji adalah wajib, manakala suatu pihak yang lain berpendapat bahawa hukumnya tidak wajib. Keadaan menjadi lebih rumit lagi di Malaysia apabila pihak berkuasa sendiri mempunyai pendapat yang berbeza. Ini adalah kerana sesetengah negeri mewajibkan zakat ke atas pendapatan gaji, manakala yang lain tidak mewajibkan. Masyarakat umum pula terdedah dengan pelbagai tafsiran dan polemik tersebut yang akhirnya menjadi keliru. Kekeliruan ini memberi kesan kepada sikap individu pekerja yang membuat keputusan sama ada mematuhi atau tidak mematuhi fatwa tersebut.

Berdasarkan kepada keputusan kajian ini, pihak berwajib perlu sedar bahawa anggota masyarakat pekerja Islam mempunyai pelbagai bentuk sikap terhadap zakat pendapatan gaji. Setiap bentuk sikap berkenaan memberi kesan kepada gelagat kepatuhan zakat. Keputusan kajian ini dengan jelas menunjukkan bahawa sikap positif terhadap zakat gaji memberi kesan yang positif kepada gelagat kepatuhan. Kedudukan ini menyokong saranan Silver (1995) yang menegaskan bahawa gelagat kepatuhan adalah bergantung kepada sikap yang positif. Namun, bukan semua orang yang mempunyai sikap demikian. Usaha-usaha perlu dilipatgandakan oleh pihak berkuasa untuk mengubah sikap pekerja Islam supaya menjadi lebih positif terhadap zakat pendapatan gaji. Sikap majoriti masyarakat secara am tentang fatwa zakat

pendapatan gaji tidak boleh dijadikan panduan untuk menentukan aras kepatuhan zakat. Ini adalah kerana walaupun ramai yang berpandangan positif dalam perkara ini, namun kelakuannya tidak mencerminkan sikapnya. Kedudukan ini selari dengan saranan Mueller (1986) yang pernah menegaskan bahawa sikap seseorang tidak semestinya selari dengan kelakuannya. Maka tidak hairanlah kajian ini mendapati walaupun ramai yang bersetuju dengan fatwa tetapi hakikatnya mereka tidak membayar zakat pendapatan gaji.

Aras gelagat kepatuhan zakat juga didapati berkait positif secara signifikan dengan sikap waswas sesetengah anggota masyarakat pekerja Islam. Salah satu sebab perkara sedemikian boleh berlaku ialah sikap konservatif yang diamalkan oleh kebanyakan orang Islam terhadap sesuatu isu yang berkaitan dengan agama Islam. Mereka memilih untuk membayar zakat gaji walaupun perkara berkenaan masih kabur. Dengan berbuat demikian, mereka merasakan bahawa mereka akan terselamat sekiranya perkara berkenaan benar-benar menjadi wajib. Namun, sejauh mana kedudukan waswas ini boleh bertahan tidak dapat dipastikan oleh kajian ini. Malah perkaitan gelagat kepatuhan dengan sikap waswas ini dikhuatiri menjadi negatif jika ada mana-mana pihak menambahkan unsur-unsur waswas dalam hukum wajib zakat pendapatan gaji. Justeru itu, usaha yang berterusan serta berulang-ulang perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa zakat bagi memberi penjelasan kepada anggota masyarakat pekerja Islam supaya sikap waswas yang masih tertanam disesetengah mereka dapat ditukar menjadi sikap positif.

Proses memujuk dengan cara memberi penerangan kepada anggota masyarakat, tidak dipandang sebagai memadai oleh sesetengah orang. Tindakan yang tegas, penyediaan kemudahan pembayaran, dan keseragaman hukum zakat menjadi syarat bagi sesetengah pekerja Islam dalam membina bentuk sikap masing-masing. Perkara ini dilihat sebagai mempertahankan teori ekuiti (*equity theory*) yang menegaskan bahawa pandangan individu tentang kesaksamaan dalam sesuatu isu boleh memberi kesan kepada gelagat kepatuhannya. Justeru itu, jika pihak berkuasa zakat mengenakan tindakan terhadap seseorang tetapi dalam masa yang sama mengabaikan tindakan terhadap orang yang lain, maka suasana ini boleh menjejaskan aras kepatuhan zakat disebabkan kesaksamaan tidak dipertahankan. Ketidakteraturan hukum zakat pendapatan gaji di kalangan negeri-negeri di Malaysia juga dipandang sebagai tidak saksama. Justeru itu, bagi sesetengah

pekerja Islam, keyakinannya dalam hal zakat gaji adalah berdasarkan kepada keseragaman hukum zakat gaji di seluruh negara. Sikap yang bersyarat ini didapati berkait secara positif dan signifikan dengan gelagat kepatuhan seperti yang dibentangkan dalam penemuan kajian ini. Sekali lagi, pihak berkuasa dipertanggungjawabkan bagi memelihara konsep kesaksamaan dalam zakat. Suatu perbincangan di peringkat tertinggi dalam kerajaan diperlukan bagi membuat keputusan tentang keseragaman hukum zakat pendapatan gaji di seluruh negara.

RUMUSAN

Kajian ini dapat memberi maklumat yang berguna kepada pembuat polisi atau pihak berkuasa zakat. Ianya telah menunjukkan bahawa sikap yang hanya berdasarkan kepada sikap secara am, tidak mencukupi untuk mempengaruhi pekerja Islam mematuhi fatwa zakat gaji. Strategi yang lebih baik perlu diatur dan dilaksanakan untuk menanam sikap positif di kalangan pekerja Islam. Di samping itu, tindakan tegas atau penguatkuasaan serta keseragaman hukum zakat perlu dilaksanakan kerana ianya merupakan unsur penarik kepada sikap yang berasaskan kepada sikap bersyarat.

Kajian ini dijalankan di kalangan pekerja Islam yang berkhidmat dengan jabatan kerajaan persekutuan di negeri Kedah. Oleh itu, darjah sandaran am (*generalizability*) keputusan kajian adalah terhad kepada skop kajian. Penyelidikan pada masa hadapan harus difikirkan dengan meliputi pekerja Islam dalam semua sektor. Selain itu, kajian berupa perbandingan perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti sebarang perbezaan signifikan pada sikap di kalangan orang-orang Islam di setiap negeri di Malaysia. Keputusan kajian berkenaan boleh meningkatkan pengetahuan pentadbir zakat dan membantu pihak berkuasa meningkatkan aras kepatuhan.

NOTA AKHIR

1. Nisab bagi zakat gaji negeri Kedah ialah lebih kurang RM3,500, sedangkan pendapatan minima yang tertakluk kepada cukai ialah lebih kurang RM14,000. Oleh itu, mereka yang membayar cukai secara automatik juga tertakluk kepada bayaran zakat gaji.

2. *An attitude is a mental or neural state of readiness, organised through experience, exerting a directive or dynamic influence upon the individual response to all objects and situations with which it is related.*

RUJUKAN

- Andreoni, J., Errard, B., & Feinstein, J. (1998). Tax compliance. *Journal of Economic Literature*, 36 (2), 818-860.
- Bennett, S. & Bowers, D. (1976). *An Introduction to Multivariate Techniques for Social and Behavioral Sciences*. New York: John Wiley and Sons.
- Bobek, D. (1997). *Tax Fairness: How do Individuals Judge Fairness and What Effect Does It Have on Their Behavior*. Unpublished doctoral dissertation, University of Florida, Gainesville.
- Churchill, G. A. Jr. (1979). A paradigm for developing better measures of marketing constructs. *Journal of Marketing Research*, 16 (1), 64-73.
- Coakes, S. J. & Steed, L. G. (1999). *SPSS Analysis Without Anguish*. Brisbane, Australia: John Wiley & Sons.
- Dyer, J.E & Osborne, E.W. (1996). A factor analysis of attitudes of Illinois guidance counselors towards agriculture programs. Diperoleh daripada <http://www.ssu.missouri.edu/SSU/AGED/naerm/s-d-4.htm>.
- Elliot, A., Timothy D. W. & Robin, M. A. (1999). *Social Psychology* (3rd edn.). New York: Longman.
- Fischer, C. M., Wartick, M. & Mark, M. M. (1992). Detection probability and taxpayer compliance: a review of the literature. *Journal of Accounting Literature*, 11, 1-46.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L. & Black, W. C. (1995). *Multivariate Data Analysis with Readings* (4th edn.). Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Hajah Mustafa, M. H. (1996). *An Evaluation of the Malaysian Tax Administrative System, and Taxpayer's Perceptions Towards Assessment System, Tax Law Fairness, and Tax Law Complexity*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Jackson, B. R. & Milliron, V. C. (1986). Tax compliance research: findings, problems and prospects. *Journal of Accounting Literature*, 5, 125-165.
- Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis (1996). *Fatwa Negeri Perlis*, Kangar: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis.
- Johnson, R. A. & Wichern, D. W. (1992). *Applied Multivariate Statistical Analysis* (3rd edn.). Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Kamil (2002). *Gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji*. Disertasi Ph.D tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- 190 ANALISIS 9 (1 & 2), 171-191 (2002)

- Kamil, Chek Derashid & Engku Ismail. (1997, Nov.). *Zakat penggajian: suatu tinjauan terhadap pengetahuan dan amalan Muslimin negeri Perlis*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Kim, J. O. & Mueller, C. W. (1978). *Factor Analysis: Statistical Methods and Practical Issues*. Beverly Hills: Sage Publication.
- Lawver, D.E. & Frazee, S.D. (1996). Factor analysis of variables related to student attitudes and perceptions concerning agricultural mechanics laboratory safety. Diperoleh daripada <http://www.ssu.missouri.edu/SSU/AGED/naerm/s-k-l.htm>.
- Lewis, A. (1979). An empirical assessment of tax mentality. *Public Finance*, 34 (2), 245-257.
- Mahamad Tayib (1998). *The determinants of assessment tax collection: the Malaysian local authority experience*. Unpublished doctoral dissertation, University of Glamorgan, Scotland.
- Menard, S. (1995). *Applied Logistic Regression Analysis*. London: Sage Publication.
- Mohamed Dahan Abdul Latif. (1998, Mei). *Zakat Management and Administration in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of Zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mueller, D. J. (1986). *Measuring Social Attitudes*. Columbia University, New York: Teachers College.
- Mujaini Tarimin (1995). *Zakat penggajian: satu penilaian terbaru di Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Malaya, Malaysia.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory* (2nd edn.). New York: McGraw-Hill.
- Oskamp, S. (1991). *Attitudes and Opinions* (2nd edn.). Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Sekaran, U. (2000). *Research Methods for Business*. New York: John Wiley & Sons.
- Sherif, M. & Hovland, C. I. (1961). *Social Judgement: Assimilation and Contrast Effects in Communication and Attitude Change*. New Haven: Yale University Press.
- Silver, D. P. (1995). Tax compliance and taxpayer attitude: over the last forty years, this country has experienced a taxpayer revolt. *National Public Accountant*, 40 (11), 32-35.
- Spicer, M. W. & Lundstedt, S. B. (1976). Understanding tax evasion. *Public Finance*, 31 (2), 295-305.
- Tacq, T. (1997). *Multivariate Analysis Techniques in Social Science Research*. London: Sage Publication.

NOTES TO CONTRIBUTORS

Manuscripts

Manuscripts should be written as accurately as possible and should be typed in double-spacing on one side of an A4 size paper with margins of at least 25mm. Each manuscript should not exceed 25 pages. Two copies of the paper should be submitted together with a floppy diskette containing the file in MSWord compatible to IBM or Macintosh machines. Authors should identify the software in the cover letter when submitting manuscripts.

Since manuscripts are reviewed anonymously, the author's name and affiliation should be supplied only on a cover sheet and authors avoid any identifying text references. The title of the manuscript should appear on the cover sheet at the top of the first page. Manuscripts will be reviewed by a panel of referees. Comments will be made available to contributors without disclosing the referees' names.

Cover Letter

Manuscripts should be accompanied by a cover letter stating that the material has not been published, and not under consideration for publication elsewhere.

Abstract

The abstract should be brief, self-contained, explicit and should not exceed 200 words. English abstracts from foreign contributors will be translated by the Editorial Board. Local contributors are required to submit two (2) abstracts, one in Malay and the other in English.

References

References should be carefully checked. The references are to be cited in the text in the author-date format (APA style e.g. Armstrong & Overton, 1977; Salma & Mohd. Makzan, 1996). A reference list only of works cited, should be provided at the end of the text arranged in alphabetical order. Example of the format for journals and books are as follows:

Armstrong, J.S. & Overton, T.S. (1977). Estimating nonresponse bias in mail surveys. *Journal of Marketing Research*, 14, 396-402.

Salma Ishak & Mohd. Makzan Musa (1996). Attitudes of police personnel towards their job. *ANALISIS*, 4 (1), 13-31.

Kimberly, J.R., Norling, F., & Weiss, J.A. (1983). Pondering the performance puzzle. In R.H., Hall & R.E., Quinn (Eds.), *Organizational Theory and Public Policy* (pp. 249-264). Beverly Hills: Sage.

Van Horne, J.C. (1992). *Financial Management and Policy*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.

Endnotes

Footnotes should not be used. Endnotes should be used instead.

Abbreviation

Full names of agencies should be used in the first citation in any article. Accepted abbreviations or acronyms may be used for subsequent citations.

Tables

Tables should be numbered with Arabic numerals. Title and column headings should be brief.

Illustrations

Illustrations must be in camera-ready form. Photographs, if any, should be large, clear, glossy prints, showing high-contrast. Each photograph should be identified on the back, complete with the author's name and the number of the illustration.

Contributors

Contributors must provide their full names, fax numbers and full addresses. A contributor will receive a complimentary copy of the issues in which his/her article appears and 10 off-prints.

Submission of Manuscripts

Manuscripts and enquires should be directed to:

Chief Editor ANALISIS
Jabatan Penerbitan dan Teknologi Media
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah, Malaysia

PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYAH
Universiti Utara Malaysia

